

Tiada alasan naikkan harga ikan - LKIM

UM 29/11/2024 pg 7

PETALING JAYA: Peniaga tidak sepatutnya menjadikan alasan musim tengkujuh untuk menaikkan harga ikan berikutan sumber laut itu juga diperoleh dari pelbagai lokasi lain termasuk Pantai Barat yang tidak terjejas dengan cuaca buruk.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, peniaga tidak wajar mengambil kesempatan atas sentimen Monsun Timur Laut atau banjir untuk menaikkan harga.

Menurutnya, pendaratan ikan di Zon A (nelayan pantai dalam) juga kekal stabil serta bekalan dilihat mencukupi dan harga tidak seharusnya meningkat.

“Terdapat ikan import yang bekalannya tidak terjejas walaupun ketika monsun memandangkan beberapa spesies sudah diimport sebelum ini.

“Bekalan ikan dalam negara berada dalam kawalan, termasuk stok penimbal yang diuruskan oleh LKIM dan syarikat swasta,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, media melaporkan harga hasil laut terutama ikan di Kedah meningkat berikutan kekurangan tangkapan

sejak beberapa minggu lalu disebabkan perubahan cuaca akibat Monsun Timur Laut.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, tiada kawasan nelayan yang terjejas setakat hari ini dan ia akan terus disemak bagi memastikan pengedaran bekalan ikan berjalan lancar.

“Sebab banjir ini sering berlaku di pedalaman, bukan kawasan laut. Jadi, penangkapan ikan berjalan seperti biasa,” ujarnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, harga ikan kekal stabil seperti biasa memandangkan aktiviti penangkapan ikan berjalan lancar.

Katanya, setakat ini stok ikan tersedia untuk diagihkan kepada pengguna sekiranya berlaku sebarang masalah.

“Nelayan masih boleh beroperasi ke laut dan stok ikan juga masih mencukupi. Jadi, tiada masalah besar berkaitan bekalan buat masa ini.

“Kami yakin dengan persediaan yang ada termasuk kerjasama dengan pihak kementerian, untuk memastikan bekalan dan harga ikan terkawal,” katanya.